

04 JUN 1996

LAM THYE DIPILIH SEBAGAI TOKOH PENGGUNA 1995

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Aktivis sosial, Datuk Lee Lam Thye hari ini dipilih sebagai Tokoh Pengguna 1995 sempena sambutan Hari Pengguna Sedunia 1996.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan anugerah berupa pingat, sijil penghargaan dan wang tunai RM2,000 kepada bekas Anggota Parlimen Bukit Bintang dan Naib Presiden Pemadam Kebangsaan itu, di Pusat Islam, di sini.

Dr Mahathir, yang merasmikan Hari Pengguna Sedunia 1996 dan melancarkan Pertandingan Keluarga Hidup Selesa, turut menyampaikan Anugerah Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri yang menawarkan trofi, sijil dan RM5,000 kepada Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri Kelantan, manakala Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah Hulu Terengganu memenangi Anugerah Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah Paling Aktif yang menawarkan trofi, sijil dan RM3,000.

Sekolah Sultan Mansor Shah, Melaka memenangi Anugerah Kelab Pengguna Sekolah Terbaik yang menawarkan trofi, sijil dan RM3,000 manakala Lai-Lai Shopping Centre, Pulau Pinang, Selesa Enterprise Sdn Bhd dan Bee Gar Trading masing-masing memenangi Anugerah Kedai Harga Patut bagi kategori pasaraya, pasar mini dan kedai runcit. -- BERNAMA

SJA NAK